# NOTIS SEBUT HARGA

| NOMBOR & NAMA SEBUT HARGA | HARGA INDIKATIF | TARIKH IKLAN | TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK | HARGA DOKUMEN | KELAYAKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **Sh/UniMAP/PBGN/26/43**<br><br>UniMAP - KERJA-KERJA PENGGANTIAN KARPET DI BANGUNAN FKTEN, SURAU UniMAP DAN PUSAT TVET, KAMPUS ALAM UniMAP PAUH PUTRA | ***RM 750,000.00** | **06 MEI 2026 HINGGA 22 MEI 2026** | **LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN**<br><br>TARIKH : **08 MEI 2026 (JUMAAT)**<br><br>JAM : **9.30 pagi (Pendaftaran)**<br>**10.00 pagi (Taklimat)**<br><br>TEMPAT: **Bilik Mesyuarat Pejabat Tapak, Jabatan Pembangunan, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, Perlis**<br><br>**Dokumen hanya akan dijual selepas lawatan tapak** | RM 50.00 | BERDAFTAR DENGAN **CIDB** DAN BERTARAF **BUMIPUTERA**<br><br>**KEBENARAN KHAS CIDB TIDAK DIBENARKAN**<br><br>**GRED CIDB : G3**<br><br>**KATEGORI : B / B24 (Kerja Penyeggaraan Bangunan)**<br><br>**SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC) BERSTATUS "PATUH"** |

*Harga indikatif ini merupakan anggaran sahaja dan tidak mengikat UniMAP atau syarikat. UniMAP tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih dengan bersandarkan harga indikatif.

**NOTA :**

1. Bagi sesi lawatan tapak, **hanya penama** yang tercatat di dalam **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** bertaraf **Bumiputera** sahaja yang **dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan sesi taklimat** berkenaan. Kontraktor/Syarikat **tidak boleh** mewakilkan kepada pegawai selain daripada penama dalam sijil.

2. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor/pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** dan bertaraf **Bumiputera** di dalam kod bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini serta mempunyai pengalaman keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja tersebut di atas.

3. Kontraktor-kontraktor mestilah mengemukakan **Sijil Pendaftaran Syarikat** dengan dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Pendaftaran Bumiputera (Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan)** bagi mendapatkan dokumen sebut harga. Dokumen sebut harga hanya dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil-wakil kontraktor yang membawa Sijil berkenaan beserta dengan salinannya sekali.

4. Dokumen Meja Tawaran boleh disemak dan Dokumen sebut harga boleh didapati di **Kaunter Hasil Jabatan Bendahari, Universiti Malaysia Perlis, Aras Bawah, Bangunan Canselori, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, 02600 Arau Perlis.**

5. Pembayaran **HANYA** melalui kaedah **JomPAY** daripada mana-mana bank.Sila pastikan **MAKLUMAT PEMBAYARAN** yang dimasukkan adalah **TEPAT** dan semua syarat kelayakan dipatuhi sebelum bayaran JomPAY dibuat.

6. Maklumat yang perlu dimasukkan bagi pembayaran secara JomPAY adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| Biller Code | : **99994** |
| Biller Code Name | : **UNIMAP-TERIMAAN** |
| Reference 1 | : **Nama Syarikat** |
| Reference 2 | : **Kod Tender/Sebut Harga** |

7. **Sila bawa bersama slip bayaran JomPAY** anda semasa mengambil dokumen sebut harga di Kaunter Hasil Jabatan Bendahari, UniMAP.

8. **Operasi kaunter** untuk penjualan dokumen sebut harga adalah seperti berikut:-

Hari : **Isnin hingga Jumaat**
Masa : **09.00 pagi hingga 04.00 petang**

9. Dokumen sebut harga hendaklah dikembalikan di dalam sampul surat berlakri dan bertanda **Nombor** serta **Nama Sebut Harga** dan dimasukkan ke dalam peti tawaran tersebut di **Jabatan Bendahari, Universiti Malaysia Perlis, Aras Bawah, Bangunan Canselori, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, 02600 Arau Perlis** sebelum atau pada **22 MEI 2026 sebelum jam 12.00 tengahari**. Tawaran yang lewat diterima **TIDAK AKAN** dipertimbangkan.

10. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan dokumen sebutharga boleh hubungi Kaunter Jabatan Bendahari (04-9414021) atau Unit Perolehan di talian 04-9414041.

11. Pihak UniMAP, mewajibkan semua kontraktor/pembekal bagi tujuan pengurusan dokumen perolehan perlu lengkap vaksinasi dan cukup tempoh matang untuk masuk ke kampus.